

Tekong didenda RM1.82 juta

Nelayan Vietnam bersalah tangkap hasil laut secara haram


FARAH SHAZWANI ALI

KUALA TERENGGANU

Sorang tekong warga Vietnam dijatuhi hukuman denda RM700,000 manakala 16 awak-awak didenda RM70,000 setiap orang, dengan jumlah keseluruhan RM 1.82 juta di Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu, kelmarin.

Denda itu dikenakan selepas kesemua mereka didapati bersalah menangkap hasil laut di perairan negara membabitkan nilai rampasan lebih RM1 juta.

Tekong, Nguyen Van Suu, 34, turut berdepan tiga tahun penjara manakala awak-awak berdepan enam bulan penjara sekiranya mereka gagal menjelaskan denda berkenaan.



Keputusan itu dibuat Hakim Azman Mustafa selepas tertuduh didapati bersalah terhadap pertuduhan mengikut Seksyen 15(1)(a) Akta Perikanan 1985 (Akta 317) dan boleh dihukum mengikut Seksyen 25(a) yang dibaca bersama Seksyen 52(1)(a)(i) dan Seksyen 52(1)(a)(ii) akta sama.

Selain itu, mahkamah turut merintahkan semua barang kes ia itu sebuah kapal penangkapan ikan, peralatan menangkap ikan, hasil laut dan minyak diesel dilucutkan kepada kerajaan Malaysia.

Mengikut pertuduhan, kesemua tertuduh didakwa menangkap ikan dengan menggunakan peralatan

Bot nelayan asing berkenaan berkaitan sewaktu ditahan selepas didapati menangkap ikan secara haram di perairan negeri ini.

ikan tanpa kebenaran di bawah mana-mana perjanjian perikanan antarabangsa dan tanpa permit sah yang dikeluarkan Pengarah Perikanan Malaysia.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu di atas vesel penangkapan ikan pada jarak 61.3 batu nautika dari perairan Kuala Tereng-

info

Denda yang dikenakan bagi kes itu adalah denda yang paling tinggi bagi kesalahan pencerobohan nelayan asing.

ganu, kira-kira jam 03.35 petang pada 15 Julai 2018.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim), Mohamad Afiq Taqiudin Roslan.

Sementara itu, Pengarah Maritim Negeri Terengganu, Kepten Maritim Muhammad Suffi Mohd Ramli berkata, denda yang dikenakan bagi kes itu adalah denda yang paling tinggi bagi kesalahan pencerobohan nelayan asing.